

KHUTBAH JUMAAT

“TEKNOLOGI KEJURUTERAAN DITEROKAI, NIKMATNYA DISYUKURI”

(3 Disember 2021M/ 28 Rabiulakhir 1443H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersungguh-sungguh meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita sentiasa dirahmati Allah *subhanahu wata'ala* dan menjadi hamba yang disayangi-Nya dengan sentiasa mengingati-Nya. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk '**Teknologi Kejuruteraan Diterokai, Nikmatnya Disyukuri**'.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Allah *subhanahu wata'ala* telah menetapkan syariat Islam sebagai asas kejayaan dan jalan kebahagiaan dalam segenap aspek kehidupan manusia. Bidang sains dan kejuruteraan adalah antara cabang jujuk ilmu dalam Islam, yang bertunjangkan kepada tauhid kepada Allah Yang Maha Esa. Sains dan kejuruteraan menjadi

pemangkin utama kemajuan dunia untuk diterokai bersama-sama yang berpaksikan kepada prinsip-prinsip.

Sektor teknologi kejuruteraan adalah cabang ilmu yang merangkumi penguasaan ilmu dalam penggunaan teknologi secara efisien bagi tujuan kebaikan dan manfaat manusia sejagat. Secara tidak langsung, ia merupakan satu wadah bagi membantu manusia bagi memenuhi tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Ia juga adalah nadi kepada acuan kemajuan negara yang telah mewujudkan pelbagai profesion teknikal seperti para Jurutera, arkitek, juru ukur bahan, juru ukur tanah, ahli geologi, teknologis dan juruteknik yang sudah semestinya berpaksikan kepada kepakaran yang mendalam dan keserjanaan disiplin ilmu.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Para sarjana dan cendekiawan Islam terdahulu telah banyak membantu kepada perkembangan teknologi dunia seperti al-Khawarizmi, Jabir ibnu Hayyan, al-Battani, Abdul Rahman al-Sufi, Abbas ibnu Firnas, al-Biruni, al-Jazari antara nama-nama besar dalam sumbangan teknologi kejuruteraan, astronomi, fizik, aeroangkasa, matematik dan sebagainya.

Di sebalik tersergamnya keindahan sesebuah bangunan, seperti masjid, hospital, lapangan terbang, balai polis, dewan, sekolah, universiti, kemudahan fasiliti jambatan dan jalan raya, para ahli dalam profesion teknikal terus berjuang mencurahkan keringat idea

dan fikiran demi memastikan keselamatan, keselesaan dan juga kemudahan manusia dapat dipertingkatkan. Pelbagai bidang kejuruteraan lain seperti automotif, aeroangkasa, penjana dan pengagihan tenaga, petrokimia, dan lain-lain turut berperanan menyumbang, demi kesejahteraan ummah. Walaupun tugas ini amat mencabar, namun ianya terus digalas demi memenuhi amanah yang ditugaskan demi kelangsungan pembangunan infrastruktur dan pemodenan negara.

Walaubagaimanapun, sejarah membuktikan teknologi kejuruteraan dan kepakaran yang dihasilkan umat terdahulu seperti kaum Tsamud, firaun dan kaum Ad adalah canggih dan hebat sehingga mampu menebuk gunung-gunung yang besar bagi dijadikan istana dan menara. Namun, apabila perintah-Nya tidak dituruti, tetap dimusnahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Ingatlah sentiasa, walau secanggih dan sehebat manapun teknologi serta keupayaan manusia, ia tidak akan sesekali dapat melepasi batasan ilmu oleh Allah *subhanahu wata'ala* Tuhan Yang Maha Mengetahui. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah ar-Rum, ayat 42 :

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلُ كَانَ أَكْثَرُهُمْ

مُشْرِكِينَ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: *Katakanlah: "Mengembaralah kamu di muka bumi kemudian lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang telah*

lalu (yang telah dibinasakan); kebanyakan mereka adalah orang-orang musyrik".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dengan tema "Menggerakkan Negara Melangkaui Aspirasi" penganjuran Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) yang disambut pada hari Sabtu pertama bulan Disember setiap tahun adalah sebagai salah satu wadah bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan warga profesion teknikal di seluruh negara di atas sumbangan besar yang cukup signifikan kepada pembangunan dan kemajuan negara. Di samping itu, ia diharap dapat memupuk minat generasi muda untuk berkecimpung dalam profesion teknikal.

Sejajar dengan perkembangan global terutamanya ledakan teknologi IR 4.0, warga profesion teknikal berperanan penting untuk bersama-sama menggembeling tenaga dan kepakaran ke arah menggerakkan negara dan melangkaui aspirasi rakyat dalam semua bidang pembangunan teknikal seperti kejuruteraan, kesihatan, penyelidikan, pendidikan, teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dan sebagainya.

Sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* daripada hadis riwayat at-Tabarani yang bermaksud:

((Sebaik-baik manusia, adalah yang paling banyak memberi manfaat untuk manusia yang lain)).

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sehingga tahun ini, Malaysia mempunyai hampir suku juta

keanggotaan pendaftaran profesional dalam pelbagai bidang kemahiran berkaitan profesion teknikal. ini membuktikan betapa profesion teknikal merupakan profesion yang kritikal dan penting bagi pembangunan negara.

Selain itu, bagi sektor awam, Malaysia juga boleh berbangga dengan agensi teknikal kerajaan, contohnya Kementerian Kerja Raya melalui agensi teknikalnya, Jabatan kerja Raya (JKR) yang banyak berjasa kepada pembangunan infrastruktur negara sejak ia ditubuhkan pada tahun 1872.

Kita juga perlu realistik dengan kemampuan umat Islam untuk diberikan pendedahan menyumbang kepakaran teknikal dan kejuruteraan ke pentas antarabangsa, sekaligus mengharumkan nama Malaysia seantero dunia.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah, renungkanlah beberapa kesimpulan sebagai panduan kita bersama :

Pertama: Umat Islam hendaklah meyakini bahawa setiap tindakan dan perbuatan akan dibalas dengan adil oleh Allah *subhanahu wata'ala* di akhirat.

Kedua: Umat Islam diingatkan agar jangan mencabar kekuasaan Allah *subhanahu wata'ala* yang boleh mengundang musibah dengan melakukan pelbagai maksiat dan kemungkaran.

Ketiga: Umat Islam hendaklah berupaya menguasai

pelbagai kepakaran dan disiplin ilmu ke arah kehidupan yang lebih berkualiti demi kebahagiaan dunia dan akhirat.

Keempat: Hiasilah kehidupan kita di dunia dengan melakukan perkara yang memberi manfaat kepada semua orang termasuk diri sendiri demi menggapai keredaan Allah *subhanahu wata'ala*.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Ali Imran, ayat 191:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

Maksudnya: *(laitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama sentiasa mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan penularan wabak COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Bagi yang belum menerima vaksin, dianjurkan agar segera mendapatkannya sebagai ikhtiar untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini dalam masyarakat. Pada masa yang sama, teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segera wabak ini daripada kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diinginkan dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ
الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ اَرْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَاَرْحَمْهُمْ،
وَعَافِهِمْ وَاغْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا اُنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. اٰمِيْن، اٰمِيْن يَا رَبَّ الْعٰلَمِيْنَ.

عِبَادَ اللّٰهِ. اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ. وَاِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاۗءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ. فَاذْكُرُوا اللّٰهَ
الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاَسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرِ اللّٰهِ اَكْبَرُ. وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ. اَقِيْمُوا الصَّلَاةَ.